

KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN SEPTEMBER 2021

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MUKA SURAT
1.	02.09.2021	Usahawan Hadapi 69 Pertuduhan Palsukan Dokumen	2
2.	02.09.2021	Bekas Ahli Lembaga Pengarah FELDA Bebas 29 Tuduhan Rasuah	3
3.	10.09.2021	CEO, 3 Pegawai Kanan Direman Kes Selewang Dana RM2.2 Juta	4
4.	11.09.2021	Bekas Pegawai MPOB Rasuah Didenda RM5,000	5
5.	16.09.2021	SPRM Tahan Pensyarah Disyaki Salah Guna Kuasa	6
6.	22.09.2021	SPRM Tahan Pegawai Penguatkuasa PBT	7
7.	24.09.2021	Guan Eng, Zarul Kerap Jumpa Untuk Berbincang – Kes Projek Terowong Dasar Laut Pulau Pinang	8
8.	29.09.2021	Lanjutan Kontrak UKSB Didakwa Tak Ikut Tatacara	9
9.	29.09.2021	Sistem Baharu Kastam Gagal Disiapkan Lebih 7 Tahun	10
10.	29.09.2021	Kemahiran Teknikal Lemah Punca Projek Gagal – sistem uCustom	10

Berita Harian | 2 September 2021 | Page 23

Usahawan hadapi 69 pertuduhan palsukan dokumen

Tertuduh didakwa bersubahat arah lapan pekerja tipu urusan projek dengan JKR

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Seorang ahli perniagaan didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas 69 pertuduhan memalsukan dokumen pelbagai projek kerajaan antara Jun 2019 hingga September 2020.

Tertuduh, Adly Kamarudin, 47, bagaimanapun mengaku tidak bersalah atas semua pertuduhan yang dibacakan dihadapan Hakim Rozilah Salleh.

Mengikut semua kertas pertuduhan, tertuduh didakwa bersubahat dengan mengarahkan lapan individu iaitu pekerjaannya untuk memalsukan dokumen pelbagai projek dengan tujuan menipu Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia.

Semua projek berkenaan termasuk projek jalan, menaik taraf dan ubah suai perpustakaan, pembinaan kolej dan penghawa dingin di beberapa universiti awam, bangunan hospital, rumah kakitangan FELDA sertakerja penyelenggaraan pemasangan mekanikal di kem Angkatan Tentera



Adly (kiri) didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam

(Foto Faiz Anuar/BH)

Malaysia (ATM) di Kuala Lumpur dan Bentong, Pahang.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu bermula Jun 2019 hingga September 2020 di sebuah rumah banglo di Bandar Baru Bangi.

Justeru, dia didakwa mengikut Seksyen 468 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 109 kanun sama yang memperuntukkan hukuman penjara hingga tujuh tahun dan denda sekiranya disabitkan kesalahan bagi semua pertuduhan.

Pihak pendakwaan diwakili Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Ahmad Akram Gharib menawarkan jaminan RM500,000 dengan seorang penjamin dan syarat tambahan tertu-

duh perlu melaporkan diri setiap bulan di pejabat SPRM berhampiran dan pasport diserahkan kepada mahkamah.

Tertuduh yang diwakili peguam Md Yunus Shariff memaklumkan anak guamnya tiada bantahan terhadap nilai jaminan yang ditawarkan.

Mahkamah kemudian membenarkan jumlah jaminan dan syarat tambahan tertuduh perlu melaporkan diri di pejabat SPRM terdekat sebelum atau pada 7 hari bulan setiap bulan serta memaklumkan secara e-mel kepada mahkamah dan pihak pendakwaan dalam tempoh tujuh hari jika ingin ke luar negara.

Mahkamah turut menetapkan 3 November ini untuk sebutan semula kes.

Berita Harian | 2 September 2021 | Page 17

Bekas ahli Lembaga Pengarah FELDA bebas 29 tuduhan rasuah

Kuala Lumpur: Bekas ahli Lembaga Pengarah FELDA, Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid, dilepas dan dibebaskan oleh Mahkamah Sesyen di sini atas 29 pertuduhan rasuah, selepas pihak pendakwaan menarik balik kesemua pertuduhan itu.

Peguam Datuk Hasnal Reza Merican yang mewakili Noor Ehsanuddin ketika dihubungi Bernama semalam berkata, pihak pendakwaan memaklumkan kepada mahkamah berhubung penarikan balik kesemua 29 pertuduhan itu, ketika prosiding perbicaraan kes di hadapan Hakim Suzana Hussin pada 21 Mei lalu.

"Sepatutnya, hari itu (21 Mei) ditetapkan untuk sambung bicara, namun pendakwaan memberitahu mahkamah untuk menarik balik semua pertuduhan berkenaan.

"Ini berikutan, pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

menyiasat pernyataan pembealaan di bawah Seksyen 62 Akta SPRM, dan mereka berpuas hati bahawa semua transaksi yang dipertuduhkan adalah wang duluan (advances), yang dibayar balik sepenuhnya.

"Oleh itu, pihak pendakwaan menarik balik kes terhadap anak guam saya dan mahkamah kemudian melepas dan membebaskan Noor Ehsanuddin daripada semua 29 pertuduhan rasuah," kata peguam itu.

Perbicaraan kes itu bermula pada Ogos 2019 dan seramai 24 saksi pendakwaan memberi keterangan.

Noor Ehsanuddin, 58, didakwa di Mahkamah Sesyen di sini atas 14 pertuduhan menerima rasuah bagi bayaran ansuran kenderaan berjumlah RM23,540.68 daripada sebuah syarikat percetakan,



Noor Ehsanuddin
Mohd Harun Narrashid

Karya Hidayah Sdn Bhd pada 2014 dan 2015.

Difahamkan kenderaan itu adalah sebuah kereta jenis BMW 3 Series.

Di Mahkamah Johor Bahru, tertuduh didakwa atas 10 pertuduhan

termasuk menerima suapan wang tunai bernilai RM50,000 dan sebidang tanah daripada syarikat sama, pada 2013 dan 2014.

Tertuduh turut didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam atas lima pertuduhan menerima benda berharga iaitu penyelenggaraan dua buah kenderaan dan yuran guaman bagi pembelian tanah bernilai RM12,707.60.

Kes di Johor Bahru dan Shah Alam dibicarakan bersama dengan kes di Mahkamah Sesyen di sini.

BERNAMA

Berita Harian | 10 September 2021 | Page 18



Empat suspek dibawa keluar dari Mahkamah Majistret Alor Setar, semalam.

(Foto BERNAMA)

CEO, 3 pegawai kanan direman kes seleweng dana RM2.2 juta

Alor Setar: Seorang ketua pegawai eksekutif (CEO) dan tiga pegawai kanan sebuah anak syarikat kepada syarikat berkaitan kerajaan (GLC) direman empat hari bermula semalam bagi membantu kes penyelewengan dana berjumlah RM2.2 juta.

Penolong Pendaftar Mahkamah Alor Setar, Wan Nor Fadzilah Wan Ibrahim membenarkan permohonan reman dibuat

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menahan empat suspek berusia antara 49 hingga 58 tahun itu.

Semua suspek terbabit ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009 kerana disyaki terbabit salah guna kuasa dan kedudukan bagi menyeleweng dana milik syarikat.

Mereka didakwa melakukan kesalahan berkenaan antara 2016

hingga 2019 dengan menyalurkan sejumlah dana ke dalam dua syarikat berlainan.

Kelmarin, keempat-empat suspek ditahan ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Kedah antara jam 3.45 petang hingga 4.15 petang.

Difahamkan, semua suspek mempunyai kepentingan dalam dua syarikat yang menerima dana berkenaan.



Selamat Mulyono didenda RM5,000 oleh Mahkamah Sesyen Ipoh, semalam atas kesalahan memperoleh suapan berkaitan urus niaga kelapa sawit tanpa lesen. (Foto BERNAMA)

Bekas pegawai MPOB rasuah didenda RM5,000

Ipoh: Seorang bekas pegawai tadbir Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) didenda RM5,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas kesalahan memperoleh suapan daripada seorang individu berkaitan urus niaga kelapa sawit tanpa lesen, Oktober tahun lepas.

Hakim S Indra Nehru menjatuhkan hukuman itu terhadap Selamat Mulyono Juni, 37, selepas tertuduh menukar pengakuan kepada bersalah berdasarkan tuduhan pilihan yang dikemukakan ketika sebutan semula kes itu semalam.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh jalani hukuman penjara sebulan sekiranya gagal membayar denda itu. Selamat Mulyono membayar denda tersebut.

Selamat Mulyono didakwa secara rasuah memperoleh suapan untuk dirinya wang tunai RM1,500 daripada Shafrullah Abu Kasim.

Perbuatan itu sebagai dorongan kononnya agar pihak penguatkuasaan MPOB tidak akan mengambil sebarang tindakan kepada Shafrullah atas kesalahan syarikatnya iaitu Khaffa Vision Enterprise yang menjalankan urus niaga buah kelapa sawit setelah lesen perniagaan Dealer Fruit (DF) MPOB tamat tempoh.

Selamat Mulyono didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah restoran di Parit Buntar pada 6.35 petang 20 Oktober tahun lepas.

Dia didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Kesek-

saan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Pada 9 Mac lepas, Selamat Mulyono turut didakwa atas satu lagi pertuduhan iaitu meminta suapan RM6,000 daripada lelaki sama sebagai dorongan menghapuskan bukti gambar siasatan berhubung kesalahan urus niaga itu.

Bagaimanapun, pertuduhan itu telah diputuskan sebagai *take into consideration* oleh pihak mahkamah mengikut Seksyen 171A Kanun Prosedur Jenayah.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Maziyah Mansor, manakala tertuduh diwakili peguam bela, Siti Salwani Md Shah.

BERNAMA

Berita Harian | 16 September 2021 | Page 20

SPRM tahan pensyarah disyaki salah guna kuasa

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) menahan seorang pensyarah kanan kerana disyaki menyalah guna kuasa dalam pemberian kontrak bernilai kira-kira RM46,000 kepada kakak dan abang iparnya.

Wanita berusia lingkungan 40-an itu yang berkhidmat di sebuah universiti awam (UA) ditahan di Pejabat SPRM Putrajaya, kira-kira jam 11 pagi kelmarin.

Difahamkan, kontrak berkenaan membabitkan projek

pembekalan barang pejabat dan pembelian serta penyelenggaraan mesin jahit di sebuah jabatan di universiti berkenaan pada 2015 sehingga 2017.

Bagaimanapun, suspek dibebaskan dengan jaminan SPRM selepas selesai diambil keterangan pada hari sama.

Sementara itu, Pengarah SPRM Wilayah Persekutuan Putrajaya, Mohd Anuar Ismail ketika dihubungi mengesahkan tangkapan berkenaan, namun enggan mengulas lanjut.

Berita Harian | 22 September 2021 | Page 19

SPRM tahan pegawai penguat kuasa PBT

Putrajaya: Seorang pegawai penguat kuasa berkuasa tempatan (PBT) ditahan reman lima hari bermula semalam, kerana disyaki mengemukakan tuntutan palsu berjumlah hampir RM27,000.

Majistret Shah Wira Abdul Halim mengeluarkan perintah reman sehingga 25 September, selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuat permohonan berkeñaan di Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.

Menurut sumber, suspek yang berusia 24 tahun itu ditahan ketika hadir memberikan keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya kira-kira jam 5.30 petang kelmarin.

Difahamkan, suspek yang bertugas di PBT itu mengemukakan tuntutan palsu berkaitan sewaan perkhidmatan lori dengan menggunakan resit yang mengandungi butiran palsu.

Berita Harian | 24 September 2021 | Pg 22

Kes projek terowong dasar laut Pulau Pinang

Guan Eng, Zarul kerap jumpa untuk berbincang

Saksi dakwa syarikat CZBUGG dapat markah tinggi keseluruhan penilaian teknikal

Oleh Farah Marshita
Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mahkamah Sesi di sini semalam, diberitahu bekas Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng bertemu Datuk Zarul Ahmad Mohd Zulkifli, bagi membincangkan perkembangan projek terowong dasar laut di negeri itu.

Bekas Setiausaha Sulit Guan Eng, Farida Hani Jacob, dalam keterangannya berkata, pertemuan dengan Zarul yang juga pemilik syarikat Consortium Zenith Beijing Urban Construction Group (CZBUGG) itu sering diadakan di Pejabat Ketua Menteri di Bangunan KOMTAR.

Saksi keenam pendakwaan itu berkata, beliau mengenali Zarul sejak media mula melaporkan mengenai projek terowong di Pulau Pinang sebagai pemilik CZBUGG, berdasarkan keadaan pada masa itu serta maklumat pegawai.

"Seingat saya, pertemuan yang disusun membabitkan temu janji antara Zarul dan Guan Eng kurang daripada lima kali.

"Sekiranya Zarul datang ke pejabat Ketua Menteri, beliau akan terus ke bilik mesyuarat atau bilik VIP tanpa melalui bilik saya," katanya ketika membacakan pernyataan saksi pada perbicaraan

yang dihadapi Guan Eng.

Sementara itu seorang lagi saksi, Pengurus Besar WCT Construction Sdn Bhd, Ooi Bok Thian, 49, berkata walaupun syarikatnya mempunyai pengalaman dalam projek pembinaan terowong dasar laut, namun markah penilaian teknikal dan kewangan bagi projek hanya sebanyak 59.

Sebaliknya, Bok Thian, berkata syarikat CZBUGG mendapat markah tertinggi sebanyak 93 bagi keseluruhan penilaian teknikal dan kewangan bagi projek pembinaan jalan utama dan terowong dasar laut di Pulau Pinang.

"Markah kedua tertinggi ialah China State Construction Engineering Corporation Ltd & VST Cemerlang Sdn Bhd sebanyak 77," katanya.

Beliau berkata, WCT menjalankan usaha sama dengan Kumpulan Daewoo kerana syarikat itu terbabit dalam projek mega pembinaan terowong dasar laut di Korea Selatan.

Ahli Parlimen Bagan itu didakwa atas dua pertuduhan menyebabkan dua lot tanah milik kerajaan negeri Pulau Pinang yang bernilai RM208.8 juta dilupuskan kepada syarikat pemaju berkaitan projek terowong dasar laut di negeri itu.

Guan Eng dituduh melakukan kedua-dua kesalahan itu di Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang, Tingkat 21, KOMTAR di sini, pada 17 Februari 2015 dan 22 Mac 2017.

Beliau didakwa mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksaan yang memperuntuk hukuman penjara di antara enam bulan dan lima tahun serta sebatan dan denda, jika sabit kesalahan.

Guan Eng turut didakwa atas tuduhan pindaan, iaitu sebagai



Guan Eng tiba di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

Ketua Menteri Pulau Pinang menggunakan kedudukannya menerima suapan bagi dirinya, wang berjumlah RM3,300,000 dengan mengambil tindakan, bagi membantu syarikat milik Datuk Zarul Ahmad Mohd Zulkifli yang dilantik untuk melaksanakan Projek Pembinaan Jalan-Jalan Utama dan Terowong di Pulau Pinang bernilai RM6,341,383,702.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di antara Januari 2011 dan Ogos 2017 di Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang, Tingkat 28, KOMTAR, Georgetown.

Pendakwaan terhadapnya dibuat mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Bagi pertuduhan pindaan ke-

dua, Guan Eng didakwa ketika menjawat jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang meminta suapan, iaitu balasan berjumlah 10 peratus daripada keuntungan yang akan diperoleh kelak daripada Zarul sebagai upah bagi melakukan perkara yang dicadangkan, iaitu membantu syarikat milik ahli perniagaan berkenaan dilantik untuk projek sama.

Beliau dituduh melakukan perbuatan itu berhampiran Hotel The Gardens, Lingkaran Syed Putra, Mid Valley City, di sini pada Mac 2011, di antara 12.30 pagi hingga 2 pagi.

Bagi kesalahan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 16 Akta SPRM yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun atau denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Perbicaraan di hadapan Hakim Azura Alwi bersambung hari ini.

Berita Harian | 29 September 2021 | Page 1,16

Lanjutan kontrak UKSB diluluskan Zahid didakwa tidak telus, tak ikut tatacara

Nasional 16

Lanjutan kontrak UKSB didakwa tak ikut tatacara

Ahmad Zahid luluskan permintaan dalam tempoh kurang 24 jam

Oleh Farah Marshita Abdul Patah farahmarshita@bh.com.my

Shah Alam: Mahkamah Tinggi di sini, semalam diberitahu lanjutan masa kontrak Ultra Kirana Sdn Bhd (UKSB) bagi projek Sistem Visa Luar Negara (VLN) diluluskan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi sebagai tidak telus dan tidak mengikut tatacara.

Bekas Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) (Dasar dan Kawalan) Kementerian Dalam Negeri (KDN), Datuk Suriani Ahmad, berkata Ahmad Zahid meluluskan permohonan lanjutan kontrak UKSB dengan kerajaan dalam tempoh kurang daripada 24 jam.

"UKSB menghantar surat permohonan bertarikh 17 Oktober 2016 kepada Ahmad Zahid supaya mendapat kelulusan melanjutkan tempoh kontrak Sistem VLN dan eVisa selama enam tahun bermula 31 Oktober 2019 sehingga akhir tahun 2025.

"Surat UKSB itu kemudian dimintakan Ahmad Zahid pada 18 Oktober 2016 dengan mencatat 'Dato Sri KSU/Dato PUU' saya tiada halangan perlanjutan kontrak tempoh enam tahun sehingga 31 Ogos 2025'," katanya.

Suriani yang kini KSU Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi berkata demikian pada perbincangan Ahmad Zahid yang menghadapi 40 pertuduhan rasuah berhubung sistem VLN di hadapan Hakim Datuk Mohd Yazid Mustafa.

Menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya, Wan Shaharuddin Wan Ladin, sama ada Ahmad Zahid mengambil inisiatif menilai prestasi UKSB sebelum melanjutkan kontrak UKSB, Suriani menjawab: "Tidak"

Wan Shaharuddin: Tetapi permohonan diluluskan?
Suriani: Ya

Wan Shaharuddin: Dalam permohonan ini adalah UKSB mengikut tatacara?

Suriani: Kalau prosedur kerja ia mengikut tatacara. Bagaimanapun daripada segi kelulusan, ia tidak mengikut tatacara.

Wan Shaharuddin: Walaupun Datuk tidak berpeluang menilai prestasi UKSB, kenapa teruskan juga untuk lanjutkan kontrak itu?

Suriani: Kerana arahan daripada

menteri adalah untuk menyambung kontrak.

Wan Shaharuddin: Iaitu Ahmad Zahid? Datuk berani langgar arahan?

Suriani: Sebagai seorang penjawat awam dan beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri, saya akur terhadap arahan berkenaan.

Terdahulu, Suriani berkata, Ahmad Zahid juga pada 24 Julai 2017 membuat keputusan ke atas minit cerai bertajuk: Permohonan Melanjutkan Kontrak Perkhidmatan *One Stop Centre* (OSC) di Negara Republik Rakyat China, dengan menulis 'diluluskan lanjutan sehingga tahun 2022 tanpa dibawa ke UKAS atau MJM seperti persetujuan dalam VLN terdahulu'.

Katanya, keputusan yang dibuat Ahmad Zahid adalah tidak wajar.

"Ia kerana maklumat, pandangan dan syor yang dikemukakan dalam minit cerai itu tidak digunakan sebaiknya ketika membuat keputusan," katanya.

Saksi keempat pendakwaan itu berkata, beliau berasakan terlalu awal untuk UKSB membuat permohonan perlanjutan kontrak kerana kontrak yang ada masih mempunyai tempoh tamat yang jauh.

Katanya, mengikut fasal 2.2.1 Perjanjian Untuk Membekalkan Sistem Bersepadu VLN, syarikat

boleh memohon perlanjutan tempoh kontrak tidak kurang dari enam bulan sebelum tarikh kontrak tamat.

"Tetapi bagi permohonan ini, pihak UKSB memohon perlanjutan kontrak VLN terlalu awal pada Oktober 2016 iaitu sekitar tiga tahun lebih awal daripada tarikh kontrak akan tamat.

"Ini kerana pihak KDN tidak mempunyai tempoh masa mencukupi untuk menilai prestasi UKSB bagi membuat keputusan sama ada kontrak patut dilanjutkan atau tidak kepada UKSB," katanya.

Ahmad Zahid berdepan 33 pertuduhan menerima suapan SG13.56 juta daripada syarikat UKSB sebagai dorongan untuk dirinya, sebagai seorang pegawai badan awam iaitu Menteri Dalam Negeri, melanjutkan kontrak syarikat itu sebagai pengendali Perkhidmatan OSC di China dan Sistem VLN serta mengekalkan kontrak perjanjian membekalkan sistem bersepadu VLN kepada syarikat sama oleh KDN.

Bagi tujuh lagi pertuduhan, Ahmad Zahid didakwa sebagai menteri sama mendapatkan untuk dirinya wang tunai SG1,150,000; RM3,000,000; EURO15,000 dan AS\$15,000 tanpa balasan daripada syarikat sama yang mempunyai hubungan dengan kerja rasmi beliau.

Perbincangan kes itu bersambung 22 Oktober ini.

Berita Harian | 29 September 2021 | Page 1,2

Laporan Ketua Audit Negara

Sistem baharu Kastam gagal disiapkan lebih 7 tahun

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mendedahkan sistem uCustoms bernilai RM317.78 juta yang dibangunkan untuk Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) gagal disiapkan dalam tempoh tujuh tahun dua bulan walaupun selepas lima kali lanjutan masa (EOT) diberikan.

Sistem uCustoms adalah antara 25 isu bersifat punitif memerlukan siasatan yang didedahkan dalam LKAN Tahun 2019 Siri 2 yang diedarkan di Dewan Rakyat, semalam.

Mengenai uCustoms, LKAN melaporkan kajian kemungkinan juga tidak dijalankan sebelum projek sistem uCustoms itu dilaksanakan bagi menggantikan Sistem Maklumat Kastam (SMK) yang

sudah diguna pakai sejak 1995. Ia juga mendedahkan kerajaan sudah membayar hampir RM273 juta untuk sistem baru itu, namun ia tidak disiapkan sehingga kini.

Pembangunan sistem itu dilaksanakan oleh Syarikat 374044-H yang dilantik Kementerian Kewangan sebagai pembekal utama menerusi tender terbuka.

Menurut laporan itu lagi, kontrak berkenaan pada mulanya bernilai RM317.78 juta bagi tempoh selama 24 bulan, dan meningkat menjadi RM390.01 juta selepas Kementerian Kewangan meluluskan lima lanjutan masa dan tiga kontrak tambahan dengan tarikh penyelesaian dianjakkan kepada 31 Disember tahun lalu.

Nasional 2



Kerajaan sudah membayar hampir RM273 juta untuk sistem baharu itu, namun ia tidak disiapkan sehingga kini

Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid, Ketua Audit Negara

Kemahiran teknikal lemah punca projek gagal

Staff Media 1

Kejuruteraan, pembangunan sistem itu sudah gagal disiapkan dengan perbelanjaan lebih tiga kali ganda, iaitu RM273 juta, berbanding RM100 juta yang dianggarkan pada 11 Disember tahun lalu.

"Kerajaan sudah membayar hampir RM273 juta untuk sistem baharu itu, namun ia tidak disiapkan sehingga kini," kata Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid, dalam laporan LKAN Tahun 2021 Siri 2 yang diedarkan di Dewan Rakyat, semalam.

Menurut laporan itu, projek sistem uCustoms itu mengalami lima kali lanjutan masa (EOT) dan tiga kontrak tambahan dengan tarikh penyelesaian dianjakkan kepada 31 Disember tahun lalu.

Laporan itu juga mendedahkan bahawa projek sistem uCustoms itu mengalami lima kali lanjutan masa (EOT) dan tiga kontrak tambahan dengan tarikh penyelesaian dianjakkan kepada 31 Disember tahun lalu.

Kejuruteraan, pembangunan sistem itu sudah gagal disiapkan dengan perbelanjaan lebih tiga kali ganda, iaitu RM273 juta, berbanding RM100 juta yang dianggarkan pada 11 Disember tahun lalu.

"Kerajaan sudah membayar hampir RM273 juta untuk sistem baharu itu, namun ia tidak disiapkan sehingga kini," kata Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid, dalam laporan LKAN Tahun 2021 Siri 2 yang diedarkan di Dewan Rakyat, semalam.

Menurut laporan itu, projek sistem uCustoms itu mengalami lima kali lanjutan masa (EOT) dan tiga kontrak tambahan dengan tarikh penyelesaian dianjakkan kepada 31 Disember tahun lalu.

Kejuruteraan, pembangunan sistem itu sudah gagal disiapkan dengan perbelanjaan lebih tiga kali ganda, iaitu RM273 juta, berbanding RM100 juta yang dianggarkan pada 11 Disember tahun lalu.

"Kerajaan sudah membayar hampir RM273 juta untuk sistem baharu itu, namun ia tidak disiapkan sehingga kini," kata Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid, dalam laporan LKAN Tahun 2021 Siri 2 yang diedarkan di Dewan Rakyat, semalam.

Menurut laporan itu, projek sistem uCustoms itu mengalami lima kali lanjutan masa (EOT) dan tiga kontrak tambahan dengan tarikh penyelesaian dianjakkan kepada 31 Disember tahun lalu.

Kejuruteraan, pembangunan sistem itu sudah gagal disiapkan dengan perbelanjaan lebih tiga kali ganda, iaitu RM273 juta, berbanding RM100 juta yang dianggarkan pada 11 Disember tahun lalu.

"Kerajaan sudah membayar hampir RM273 juta untuk sistem baharu itu, namun ia tidak disiapkan sehingga kini," kata Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid, dalam laporan LKAN Tahun 2021 Siri 2 yang diedarkan di Dewan Rakyat, semalam.

Menurut laporan itu, projek sistem uCustoms itu mengalami lima kali lanjutan masa (EOT) dan tiga kontrak tambahan dengan tarikh penyelesaian dianjakkan kepada 31 Disember tahun lalu.